

TAHAP PENCAPAIAN BAHASA CINA DALAM KALANGAN GURU PELATIH DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

ACHIEVEMENT LEVEL OF CHINESE LANGUAGE AMONG THE PRESERVICE TEACHERS AT INSITUTION OF TEACHERS EDUCATION

Chew Fong Peng¹

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
(Email: fpchew@um.edu.my)

Tan Chor Ter²

SJKC Yu Hwa, Kajang.
(Email: tchorter@gmail.com)

Fonny Hutagalung³

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
(Email: fonny@um.edu.my)

Received date: 30-08-2019

Revised date: 16-10-2019

Accepted date: 17-10-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Chew, F. P., Tan, C. T., & Fonny. H. (2019). Tahap Pencapaian Bahasa Cina Dalam Kalangan Guru Pelatih di Institut Pendidikan Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 61-77.

DOI: 10.35631/IJEPC.433006

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penguasaan Bahasa Cina guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru. Guru-guru pelatih yang dipilih terdiri daripada dua program yang berbeza, iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dan Program Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (PDPLI). Seramai 389 orang sampel dipilih daripada 16 buah institut pendidikan guru di seluruh negara dengan kaedah persampelan berkelompok dan rawak mudah. Instrumen kajian ini terdiri daripada ujian bahasa Cina yang digunakan untuk mengukur prestasi pencapaian bahasa Cina serta soal selidik yang bertujuan untuk mengukur penguasaan tahap kemahiran bahasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa keputusan ujian Bahasa Cina bagi guru pelatih PISMP menunjukkan peratusan kelulusan setinggi 99.63%, manakala guru pelatih PDPLI memperolehi 72.28%. Seterusnya, perbandingan secara keseluruhan mendapati majoriti guru pelatih menguasai kemahiran bahasa dengan baik dalam kemahiran berkomunikasi, membaca dan menulis. Namun begitu, ujian-t menunjukkan keputusan ujian-t bahawa terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Cina yang signifikan antara responden program PISMP dan responden PDPLI dengan $t = 19.76$, $p < .05$, $\eta = .67$. Ini bererti tahap penguasaan kemahiran bahasa guru pelatih PISMP adalah lebih baik daripada guru pelatih PDPLI. Oleh itu, para guru pelatih Melayu haruslah kerap bergaul dengan penutur jati untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa, linguistik dan ilmu budaya Cina, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran mereka di dalam kelas.

Kata Kunci: Bahasa Cina, Institut Pendidikan Guru, Penguasaan, Pencapaian

Abstract: The purpose of this study was to investigate the level of Chinese Language mastery level among the trainee teachers at the Institute of Teacher Education. The selected trainee teachers comprise two different programs, namely the Bachelor of Education Program (PISMP) and the Postgraduate Education in Diploma Program (PDPLI). A total of 389 samples were selected from 16 Institute of Teacher Education throughout the country by using the group and simple random sampling method. The instruments consisted of a Chinese Language test that was used to measure their achievement in the Chinese language as well as a questionnaire aimed at measuring their Chinese Language proficiency level. The results showed that the Chinese Language test results for the PISMP trainee teachers showed a high passing rate of 99.63%, whereas the DPLI trainee teachers scored at average 72.28%. Furthermore, the overall comparison found that the majority of the trainee teachers master the language skills well in communication, reading and writing skills. However, the t-test indicated that there was a significant difference in Chinese Language achievement between the PISMP program respondents and the DPLI respondents with $t = 19.76$, $p < .05$, $\eta = .67$. This meant that the level of proficiency in the Chinese Language skills of PISMP trainee teachers was better than that of the DPLI trainee teachers. Therefore, the Malay trainee teachers should regularly associate with native speakers to improve their understanding and mastery of Chinese Language, Linguistics and knowledge of Chinese Culture to enhancing the quality of their teaching in the classroom.

Keywords: Chinese Language, Institute Of Teacher Education, Mastery, Achievement

Pendahuluan

Pendidikan perguruan profesion merupakan program untuk membangunkan kualiti guru Malaysia. Tujuan pendidikan perguruan adalah menjadikan profesion guru mendapat penghormatan dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Maka kementerian pendidikan mempertingkatkan syarat pemilihan calon guru pelatih yang mempunyai pencapaian akademik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang supaya menghasilkan guru yang berkualiti dan bertaraf dunia. Oleh yang demikian, Insitut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan satu pusat pentadbir yang utama menguruskan hal-hal pemilihan guru pelatih dan mengendalikan program pendidikan perguruan untuk guru sekolah rendah dan menengah.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih bakal-bakal guru sekolah rendah. Sehingga hari ini terdapat 14 buah IPGK daripada 27 buah IPGK di seluruh Malaysia menawarkan pendidikan perguruan Bahasa Cina. Visi IPGM, “Melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia” (IPGM, 2018). Berdasarkan visi yang tinggi, IPGM bertanggungjawab menawarkan guru terlatih dengan kelulusan ikhtisas yang berkualiti tinggi. Setiap tahun IPGM akan mengambil calon guru pelatih cemerlang selepas pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pendidikan perguruan Bahasa Cina dibahagikan kepada dua jenis program, iaitu program ijazah sarjana muda pendidikan (PISMP) dan program diploma pendidikan lepasan ijazah (PDPLI).

Setiap calon guru pelatih lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ingin menjadi guru-guru di sekolah kerajaan perlu memohon program pendidikan IPGM. Program ijazah sarjana muda pendidikan (PISMP) adalah program pendidikan perguruan yang

dikendalikan oleh IPGM. Guru pelatih sebelum melanjutkan pengajian dalam program PISMP perlu mengambil program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) selama dua semester. Dengan kelulusan PPISMP, guru pelatih akan melanjutkan pelajaran dalam program PISMP. Tempoh pengajian program PISMP dibahagikan kepada lapan semester. Dalam program PISMP setiap guru pelatih perlu lulus dalam semua kursus yang ditetapkan dan menjalani praktikum di sekolah rendah. Tambahan pula, guru pelatih perlu lulus dalam kajian tindakan sebagai syarat untuk mendapatkan anugerah ijazah sarjana muda pendidikan.

Sejak tahun 2012 Program PPC dalam program pengajian Bahasa Cina sebagai bahasa asing telah menghantar pelajar cemerlang ke universiti di China untuk menjalankan pengajian Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Selepas tamat pengajian dari universiti China, mahasiswa-mahasiswi ditempatkan di IPGK untuk melanjutkan program Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) dalam tiga semester untuk memperolehi kelulusan diploma pendidikan menjadi guru Bahasa Cina mengajar di sekolah kerajaan. Program ini dipanggil DPLI secara singkatan. Pada tahun 2015, terdapat seramai 89 pelajar membuat pengajian lepasan ijazah sarjana muda Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing, melanjutkan program diploma pendidikan lepasan ijazah di institut pendidikan guru.

Oleh hal yang demikian, pemilihan guru pelatih pada tahun 2010 menetapkan 1% calon pemohon cemerlang SPM yang memiliki 7 gred cemerlang daripada jumlah 119,782 orang pemohon, pada tahun 2012 mengambil 9% calon pemohon yang memiliki 7 gred cemerlang daripada jumlah 96,974 orang pemohon guru pelatih. Di samping itu, pada tahun 2018, syarat permohonan program pendidikan ijazah sarjana muda (PISMP) bidang pengkhususan bahasa Cina ditetapkan dengan syarat sekurang-kurang lima mata pelajaran cemerlang (gred A) dalam Sijil Peperiksaan Malaysia termasuk mata pelajar bahasa Cina (IPGM, 2018). Tujuan ketetapan syarat permohonan program ijazah sarjana pendidikan adalah untuk mempertingkatkan taraf institut pendidikan perguruan dan menawarkan tenaga mengajar yang berkualiti tinggi supaya menjamin kualiti guru pada masa depan.

Pernyataan Masalah

Peranan utama seseorang guru adalah menyampaikan ilmu. Setiap murid memerlukan penerangan dan bimbingan daripada guru untuk membantu mereka menyelesaikan masalah pembelajaran maka seseorang guru bahasa sebagai model pembelajaran kepada murid-murid (Pintrich & Schunk, 1996). Oleh itu, keberkesanannya pembelajaran bahasa bergantung kepada guru bahasa yang mahir dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif (Abdul Aziz, 2000).

Sehubungan itu, terdapat beberapa faktor yang menentukan tenaga pengajar yang mahir, iaitu (i) kemahiran guru mengajar bahasa, iaitu teknik pengajaran bahasa guru yang mudah difahami dan dikuasai oleh murid-murid; (ii) kemahiran guru menguasai selok belok bahasa yang diajar, iaitu seseorang bahasa boleh menggunakan dan bertutur bahasa yang diajar dengan cekap dan lancar; dan (iii) personaliti guru bahasa, iaitu sikap positif terhadap bahasa, kualiti suara yang terang dan daya kreativiti yang tinggi akan menjadikan suasana pembelajaran yang seronok (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah, 2010). Oleh itu, seseorang guru pelatih bahasa Cina perlu menguasai bahasa Cina dan kemahiran berbahasa dengan baik supaya mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif.

Kebiasaanya, kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis dianggap sebagai pengukuran penguasaan bahasa. Namun demikian, Harison Mohd. Sidek menyatakan kemahiran membaca dan menulis merupakan sebahagian besar dalam proses pembelajaran

bahasa untuk menilai pencapaian akademik dan penguasaan bahasa. Kemahiran membaca merupakan satu proses yang mempertingkatkan penguasaan nahu, ejaan, struktur ayat dan kosa kata. Sebagai contoh, penguasaan kemahiran membaca yang tinggi secara langsung mempertingkatkan kemahiran mendengar setelah seseorang menguasai nahu dan kosa kata dalam pembelajaran. Di samping itu, kemahiran membaca juga dapat membantu mempertingkatkan kemahiran menulis dan bertutur. Oleh itu kemahiran dianggap sebagai satu jambatan membina kecekapan kemahiran-kemahiran berbahasa.

Kelemahan kemahiran membaca guru-guru pelatih bahasa Cina menpengaruhi penguasaan bahasa Cina. Sepertimana, kemahiran membaca melibatkan kemahiran nahu, kosa kata dan struktur ayat. Di samping itu, aktiviti membaca lebih menekankan sebutan yang betul, intonasi dan melaafaz dengan tepat. Apabila membincang masalah membaca dalam perspektif bahasa Cina sebutan *Hanyu pinyin* merupakan satu masalah nahu dan intonasi. Ini disebabkan sistem tulisan bahasa Cina merupakan perkataan logografi yang menggunakan logo sebagai simbol penulisan (Wong, 2011), penguasaan membaca bahasa Cina adalah lebih susah jika berbanding dengan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang menggunakan transkripsi Roman. Kelemahan dalam penguasaan sebutan Hanyu Pinyin menyebabkan guru-guru pelatih bahasa Cina melakukan kesilapan sebutan, nahu dan intonasi dalam aktiviti membaca. Akibatnya, menimbulkan masalah kesalahan makna perkataan dalam satu struktur ayat yang disampaikan oleh penulis (Ng, Wong, Guek, Lim & Tan, 2017). Kelemahan membaca juga menunjukkan tahap pemahaman bahasa Cina yang rendah. Kajian Lam, Yau, Yoe, Chew, Lee dan Lee (2006) mendapati guru-guru pelatih yang lemah dalam kemahiran membaca sukar membezakan ayat-ayat penting dalam perenggan petikan yang dibaca. Mereka tidak dapat melaafazkan petikan prosa mengikut keindahan bahasa dan tidak dapat menghayati kesenian karya yang dibaca.

Seterusnya, kelemahan kemahiran membaca juga mempengaruhi penguasaan kosa kata. Masalah penguasaan kosa kata menyebabkan guru pelatih terpaksa campur menggunakan bahasa Melayu dalam penerangan dalam pengajaran bahasa Cina dan mengehadkan interaksi antara murid dengan guru pelatih dalam latihan pengajaran (Ng et.al., 2017). Pengajaran dan pembelajaran sedemikian menjadi suasana kurang aktif dan seronok kerana guru-guru pelatih tidak dapat menggunakan pelbagai ragam ayat dan kosa kata dengan cekap dan lancar. Kesan masalah kemahiran membaca telah mewujudkan masalah kemahiran lain dan kesan kelemahan penguasaan bahasa Cina guru-guru pelatih secara langsung memberi kesan negatif kepada murid-murid (Mora & Darcy, 2017).

Bahasa Cina mempunyai sistem fonologi, morfologi, sintaksis, sematik, perbendaharaan kata dan pragmatik yang kompleks. Menurut Wong (2011), menulis aksara Cina mempunyai sistem tulisan yang berbeza daripada menulis huruf abjad Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, sistem menulis aksara Cina dikenali sebagai sistem tulisan logografi (logographic writing system) kerana aksara Cina dibentuk daripada morfem leksikal, lebih kurang 80% hingga 90 % aksara Cina dibentuk daripada dua komponen iaitu: (i) radikal semantik (semantic radical) sebahagian aksara membawa makna perkataan, (ii) radikal fonetik (phonetic radical) iaitu sebagai bunyi sebutan perkataan (Ho & Cheng, 2004). Pelajar tidak dapat mengenali perkataan Cina semasa membaca dan menulis kerana setiap perkataan Cina adalah bahasa ideogram yang tidak dapat diejaa dengan huruf abjad. Menurut Wen (2016), dalam kamus *Hanyu Da Cidian* terbitan China, terdapat 3,700,000 perkataan Cina, manakala menurut kamus *Zhongwen Da Cidian* terbitan Taiwan, terdapat 4,400,000 perkataan Cina dan dalam kamus *Dahan He Cidian* terbitan Jepun, terdapat 5,500,000 perkataan. Oleh yang demikian, penguasaan pengetahuan bahasa Cina merupakan satu cabaran kepada guru guru pelatih bahasa Cina.

Di samping itu, Tan (2007) menyatakan bahawa pendidikan bahasa Cina sebagai bahasa ibunda untuk komuniti minor etnik Cina dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pendidikan bahasa Cina diambil berat oleh etnik Cina kerana bahasa Cina merupakan satu bahasa pengantar utama di sekolah SJKC dengan tujuan mengembangkan pendidikan bahasa Cina, budaya Cina dan identiti etnik. Oleh yang demikian, tahap pencapaian Bahasa Cina dan kebolehan berbahasa dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina merupakan satu jangkaan penguasaan bahasa Cina dalam kajian ini.

Gong (2013) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina mesti mengintegrasikan pendidikan kebudayaan Tionghua. Beliau telah menjalankan kajian tinjauan untuk menilai tahap pemahaman kebudayaan Tiong Hua dari segi aspek kognitif, sikap dan tingkah laku dalam kalangan pelajar Institut Kong Zi di Amerika, Jerman, India dan Russia. Daripada jumlah responden 6227 orang responden, seramai 2677 orang bersetuju pengajaran dan aktiviti kebudayaan Tiong Hua dalam pembelajaran berkesan memudahkan penguasaan Bahasa Cina.

Oleh yang demikian, penguasaan bahasa Cina dibahagikan kepada pencapaian ilmu bahasa Cina dan budaya Cina dalam kajian ini. Dalam hal ini, PISMP yang rata-rata terdiri daripada guru-guru pelatih Cina dan DPLI yang kesemuanya adalah guru-guru pelatih Melayu pasti memiliki pencapaian bahasa dan budaya Cina yang berbeza. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan bahasa Cina dalam kalangan guru pelatih IPG.

Sorotan Kajian

Fakrot persekitaran dan budaya sosiobudaya menyebabkan perbezaan bahasa Cina Malaysia dengan bahasa Mandarin. Komuniti Cina Malaysia terdiri daripada pelbagai sub etnik kerana pada asalnya orang-orang Cina berhijrah daripada bahagian tenggara China, iaitu Wilayah Guangdong dan Fujian (Wang, 2012; Purcell, 1975). Kedatangan orang Cina pada awal ke Tanah Melayu masih menggunakan bahasa dialek masing-masing. Dialek Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew dan Hainam merupakan lima jenis dialek yang utama dalam komuniti Cina di Tanah Melayu (Wang, 2012). Doreen Ng (2007) menjelaskan bahawa bahasa Cina Malaysia tercampur dengan budaya tempatan, dialek sub etnik Cina, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Guo (2004) dan Tian (1994) menegaskan bahawa Bahasa Cina adalah satu bahasa yang dimiliki penduduk Cina di luar negara China. Masyarakat Cina di luar negara China, terdiri daripada pelbagai sub etnik dan mempunyai pelbagai bahasa dialek. Oleh yang demikian, bahasa Cina merupakan satu bahasa *lingual franca* untuk masyarakat Cina di luar negara Cina khususnya di Asia Tenggara. Oleh kerana perbezaan lokasi, sistem politik, budaya dan sosial menyebabkan isu perbezaan bahasa Cina Malaysia dengan bahasa Mandarin iaitu bahasa standard di negara China (LaBelle, 2011).

Pengaruh dialek dalam pendidikan bahasa Cina. Menurut kajian Koh (2008), dialek merupakan bahasa komunikasi utama di dalam keluarga. Hasil kajian daripada 120 orang sampel dari Kuala Lumpur dan Selangor, sebanyak 52.5% responden lebih gemar menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa utama semasa berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah, diikuti dengan penggunaan dialek Kantonis (27.5%), dialek Hokkien (8.3%), dialek Hakka (5.8%), dialek Hainam (0.8%) dan Bahasa Inggeris (5%). Oleh itu dialek masih merupakan bahasa komunikasi utama dalam kehidupan harian walaupun bahasa Cina dianggap sebagai bahasa ibunda dalam pendidikan bahasa Cina. Fan (2012) menyatakan dialek sub etnik Cina masih dipertahankan oleh sub etnik Cina kerana dialek mewakili identiti diri. Namun demikian, kajian Wang (2012) menyatakan pendidikan bahasa Cina telah berjaya mengubah

sikap generasi muda terhadap bahasa Cina. Generasi muda lebih utamakan bahasa Cina, berminat mengguna bahasa Cina dan menganggap bahasa Cina sebagai bahasa pendidikan. Oleh itu, persekitaran dan situasi pembelajaran adalah faktor pengaruh sikap, motivasi dan orientasi diri dalam pembelajaran bahasa Cina.

Bahasa Cina merupakan bahasa pengantar utama di sekolah SJKC untuk setiap mata pelajaran kecuali mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina merangkumi empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antaranya kemahiran membaca merupakan satu komponen yang memerlukan penguasaan perbendaharaan kata yang banyak kerana membaca petikan bukan setakat untuk memahami konteks tetapi juga untuk menghayati nilai-nilai dan kesenian kesusasteraan yang disampaikan oleh penulis (Lam, Yau, Yoe, Chew, Lee dan Lee, 2006). Daripada satu kajian Lam et al., (2006) menyatakan bahawa guru pealtih Bahasa Cina menghadapi masalah kemahiran membaca Bahasa Cina. Guru pelatih menghadapi masalah menjelaskan makna pebendaharaan kata, ayat, perenggang teks dan masalah membaca atau melafaz petikan dengan tepat. Daripada hasil kajian berkenaan mendapat kelemahan membaca atau melafaz petikan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh guru pelatih bahasa Cina semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran membaca. Guru pelatih tidak dapat membaca petikan dengan intonasi yang betul kerana sebutan Hanyu Pinyin salah. Di samping itu, guru pelatih salah memilih ayat yang berbahasa indah kerana kurang mahir dalam penghayati keindahan bahasa (Lam, Yau, Yoe, Chew, Lee dan Lee, 2006).

Menurut kajian Ng, Wong, Tan, Guek dan Lim (2017), guru pelatih bahasa Cina PPC- DPLI kurang mahir dalam penguasaan bahasa Cina. Pada masa latihan praktikum guru pelatih terpaksa mengguna bahasa Melayu untuk menerangkan sesuatu dan memberi arahan kepada murid-murid. Di samping itu, dalam kajian kes Ng dan rakan-rakan mendapati kebanyakannya guru pelatih tidak dapat membaca petikan dengan lancar dan tepat. Guru pelatih masih tidak dapat mengenal pasti sebutan Hanyu Pinyin dengan tepat. Sering ulang berlaku sebutan salah pada perkataan yang sama dan tahap penguasaan perbendaharaan kata yang rendah. Keadaan ini telah menjelaskan kelancaran pengajaran dan pembelajaran guru pelatih di bilik darjah. Guru pelatih menggelakkan diri banyak memberi penerangan, bertanya dan berbincang semasa pengajaran dan pembelajaran. Keadaan pengajaran dan pembelajaran menjadi bosan dan komunikasi antara guru dengan murid-murid secara satu hala kerana guru pelatih tidak mahir menggunakan pelbagai ragam bahasa dan ayat dalam pengajaran dan pembelajaran. (Ng, Wong, Tan, Guek dan Lim, 2017).

Kajian Wang (2012) menyatakan pendidikan perguruan melibatkan kepelbagai kemahiran adalah satu kursus persilangan bidang antara psikologi, bahasa dan linguistik dan kebudayaan. Sebagai seorang guru bahasa Cina amat memerlukan kepelbagai kemahiran untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan bahasa dan linguistik adalah sebahagian ilmu asas yang perlu dikuasai oleh guru pelatih bahasa Cina. Kandungan tatabahasa bahasa Cina seperti fonetik, perkataan, ayat, dan retorik, kesemua adalah asas tatabahasa yang penting kepada guru Bahasa Cina. Sebelum pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina guru perlu memilih strategik pengajaran dan merancang pengajaran yang berkesan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah guru bahasa perlu mengenal pasti kesalahan guru dan membetulkan kesalahan bahasa Cina murid-murid.

Kesimpulan, penguasaan Bahasa Cina merangkumi ilmu bahasa Cina, budaya dan kemahiran berbahasa seperti kemahiran komunikasi, membaca dan menulis. Tahap penguasaan bahasa

Cina yang tinggi sebagai satu tanda kualiti profesion guru-guru pelatih dan juga memperkembangkan kualiti bahasa Cina murid-murid sekolah pada masa depan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan Bahasa Cina guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap pencapaian Bahasa Cina dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina?
2. Apakah tahap kemahiran bahasa dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina?
3. Adakah terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Cina yang signifikan antara guru pelatih PISMP dan DPLI?

Daripada soalan kajian ketiga, maka hipotesis nul dibangunkan seperti berikut:

Ho: Tidak terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Cina yang signifikan antara guru pelatih dan DPLI.

Metodologi

Seramai 389 orang sampel dipilih daripada 16 buah institut pendidikan guru di seluruh negara dengan kaedah persampelan berkelompok dan rawak muda. Sampel kajian di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada Zon utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak), zon tengah (Kuala Lumpur, Selangor), zon selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor), zon timur (Kelantan, Pahang dan Terengganu) dan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak). Kelompok guru-guru pelatih Bahasa Cina institut pendidikan guru dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel.

Instrumen kajian ini terdiri daripada ujian Bahasa Cina dan soal selidik. Ujian bahasa Cina digunakan untuk mengukur prestasi pencapaian bahasa Cina. Ujian ini terdiri daripada 20 soalan tatabahasa Cina dan 20 soalan ilmu budaya Cina. Ilmu budaya Cina terdiri daripada aspek pendidikan dan falsafah klasik Cina, bahasa dan aksara Cina, kesusasteraan klasik Cina, sains dan teknologi purba Cina, serta kebudayaan tradisional Cina. Jumlah markah ujian ini ialah 100 % dan jumlah markah setiap responden dikategorikan kepada lima gred iaitu gred A (75%-100%), gred B (60%-74%), gred C (40%-59%), gred D (20%-39%) dan gred D (0%-19%).

Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A ialah latar belakang sosial responden termasuklah jantina, kaum, latar pendidikan Bahasa Cina dan bahasa ibunda responden. Manakal Bahagian B pula ialah Penguasaan tahap kemahiran bahasa yang terbahagi kepada kemahiran komunikasi, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran bahasa secara keseluruhan. Responden menilai sendiri setiap tahap penguasaan kemahiran bahasa tersebut disebabkan sukar mendapat penilaian kemahiran bahasa daripada pensyarah. Setiap item dinilai dengan empat skala ordinal yang diubahsuaikan daripada Liu (2017) seperti Jadual 1.

Jadual 1: Skala Penilaian Kemahiran Bahasa

| Skala | Tahap |
|--------------|------------------|
| 1 | Kurang Mahir |
| 2 | Mahir |
| 3 | Kurang Cemerlang |
| 4 | Sangat Cemerlang |

(Diubahsuai daripada Liu, 2017)

Setiap responden diberikan satu set Ujian Bahasa Cina dijawab dalam masa 1 jam dan satu set soal selidik untuk dijawab selepas ujian tersebut.

Analisis kajian ini menggunakan SPSS versi 23. Cara deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai selain cara inferensi seperti ujian-t berpasangan diguna pakai untuk menjawab kesemua soalan kajian. Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian tinjauan dilakukan terhadap 60 orang guru pelatih dengan pecahan 30 orang guru pelatih dari PISMP dan DPLI masing-masing. Hasil kajian menunjukkan bahawa ujian Bahasa Cina yang dibangunkan tersebut berada pada paras 0.82, iaitu tahap ketekalan yang baik dan boleh diteruskan kajian.

Profil Responden

Jadual 2: Profile Demografi Responden

| Demografi | Butiran | PISMP | | DPLI | |
|---------------------------|---------------|---------|--------|---------|--------|
| | | Bilanga | Peratu | Bilanga | Peratu |
| | | n | s | n | s |
| Jantina | Lelaki | 40 | 15 | 23 | 16 |
| | Perempuan | 227 | 85 | 108 | 84 |
| Kaum | Cina | 267 | 67 | | |
| | Melayu | | | 131 | 33 |
| Latar Belakang Pendidikan | SPM | 267 | 67 | | |
| | HSK 6 | | | 131 | 33 |
| Bahasa Ibunda | Bahasa Cina | 267 | 67 | | |
| | Bahasa Melayu | | | 131 | 33 |

Seramai 398 orang guru pelatih dipilih dan dianalisis dalam kajian ini. Dalam Jadual 2, demografi profile dibahagikan kepada dua program, iaitu Program Ijazah Sarjana Pendidikan (PISMP) seramai 267 orang (67%) dan Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) seramai 131 orang (33%) yang memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing daripada universiti di China. Semua guru pelatih PISMP terdiri daripada kaum Cina, mempunyai kelulusan bahasa Cina Sijil Peperiksaan Malaysia, bahasa Cina sebagai bahasa ibunya, seramai 40 orang lelaki (15%) dan 227 orang perempuan (85%). Guru-guru pelatih DPLI terdiri daripada kaum Melayu, mempunyai kelulusan *Hanyu Shuiping Kaoshi* (汉语水平考试), iaitu peperiksaan tahap kemahiran bahasa Mandarin, bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, seramai 23 orang lelaki (16%) dan 108 orang perempuan (84%).

Dapatan Kajian

Markah ujian dalam kajian ini ditanda dan digredkan berdasarkan Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Pemarkahan dan Penggredan

| Markah (%) | Gred | Status |
|------------|------|------------------------|
| 75-100 | A | Lulus dengan cemerlang |
| 60-74 | B | Lulus dengan kepujian |
| 40-59 | C | Lulus |
| 20-39 | D | Gagal |
| 0-19 | E | Gagal tekal |

(Diubahsuai daripada Panduan dan Syarat Penganugerahan, IPGM 2013, ms 21)

Penggredan markah pencapaian Bahasa Cina bagi tujuan menjelaskan tahap pencapaian Bahasa Cina mengikut markah dan gred untuk guru pelatih Bahasa Cina program PISMP dan DPLI.

Soalan Kajian 1: Apakah tahap pencapaian Bahasa Cina dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina?

Jadual 4: Gred Pencapaian Bahasa Cina Kumpulan PISMP dan DPLI

| Kursus | Gred | Tatabahasa | | Ilmu Budaya Cina | | Bahasa Cina | |
|---------------|------|------------|------------|------------------|------------|-------------|------------|
| | | Kekerapan | Peratus | Kekerapan | Peratus | Kekerapan | Peratus |
| PISMP | A | 52 | 19.48 | 118 | 44.19 | 61 | 22.85 |
| | B | 138 | 51.69 | 98 | 36.7 | 137 | 51.31 |
| | C | 73 | 27.34 | 48 | 17.98 | 68 | 25.47 |
| | D | 4 | 1.50 | 3 | 1.124 | 1 | 0.37 |
| | E | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 267 | 100 | 267 | 100 | 267 | 100 |
| DPLI | A | 5 | 3.82 | 1 | 0.763 | 0 | 0 |
| | B | 35 | 26.72 | 8 | 6.107 | 9 | 6.87 |
| | C | 71 | 54.20 | 64 | 48.85 | 87 | 66.41 |
| | D | 20 | 15.27 | 52 | 39.69 | 35 | 26.72 |
| | E | 0 | 0 | 6 | 4.58 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 131 | 100 | 131 | 100 | 131 | 100 |

Jadual 4 menunjukkan skor gred ujian Bahasa Cina secara keseluruhan dan mengikut program PISMP dan DPLI. Gred ujian Bahasa Cina bagi guru pelatih PISMP menunjukkan jumlah peratusan kelulusan pada 99.63%, di mana peratusan gred A adalah 22.85%, peratusan gred B adalah 51.31% dan peratusan gred C adalah 25.47%. Manakala gred ujian Bahasa Cina bagi guru pelatih DPLI menunjukkan jumlah peratusan kelulusan pada 73.28%, di mana peratusan gred A adalah 0%, peratusan gred B adalah 6.88% dan peratusan gred C adalah 66.41%. Seterusnya, didapati 26.72% guru pelatih DPLI yang gagal pada gred D adalah lebih tinggi berbanding 0.37% guru pelatih PISMP yang gagal dalam ujian Bahasa Cina. Dapatkan kajian ini telah menunjukkan pencapaian Bahasa Cina guru pelatih PISMP lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Keputusan dalam ujian tatabahasa menunjukkan 98.50% guru pelatih PISMP lulus dan peratusan gred A ialah 19.48%, peratusan gred B sebanyak 51.69% dan peratusan gred C adalah 27.34%. Manakala keputusan ujian tatabahasa bagi guru pelatih menunjukkan 84.73% orang lulus, iaitu peratusan gred A sebanyak 3.82%, peratusan gred B ialah 26.72% dan peratusan gred C ialah 54.20%. Seterusnya, didapati 1.50% guru pelatih PISMP yang gagal pada gred D adalah lebih rendah berbanding 15.27% guru pelatih DPLI yang gagal dalam bahagian ujian tatabahasa. Keputusan ujian tatabahasa menunjukkan tahap penguasaan tatabahasa guru pelatih PISMP lebih baik berbanding guru pelatih DPLI.

Keputusan ujian ilmu budaya Cina bagi guru pelatih PISMP menunjukkan jumlah peratus kelulusan ialah 98.88%, iaitu gred A sebanyak 44.19%, gred B ialah 36.70% B dan gred C ialah 17.98%. Manakala ujian ilmu budaya Cina bagi guru pelatih DPLI menunjukkan jumlah peratus kelulusan sebanyak 55.73%, iaitu gred A ialah 0.76%, gred B ialah 6.11% dan gred C ialah 48.85%. Didapati 1.12% daripada guru pelatih PISMP gagal pada gred D, 39.69% daripada guru pelatih DPLI dan 4.58% guru pelatih program DPLI mendapat gred E. Perbandingan gred

ujian ilmu budaya Cina juga menunjukkan guru pelatih PISMP lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Secara rumusan, guru pelatih PISMP menguasai tatabahasa Bahasa Cina dan ilmu budaya Cina lebih baik daripada guru Pelatih DPLI.

Soalan kajian 2: Apakah tahap kemahiran bahasa dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina?

Penguasaan tahap kemahiran bahasa terbahagi kepada empat, iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran bahasa secara keseluruhan. Analisis tahap penguasaan kemahiran dibincang mengikut kemahiran seperti Jadual 5 hingga Jadual 8 berikut.

Jadual 5: Skor Penilaian Diri Kemahiran Komunikasi

| Item | Tahap | Program | | Keseluruhan (n=398) |
|----------------------|-------------|--------------|--------------|------------------------|
| | | PISMP(n=267) | DPLI (n=131) | |
| Kemahiran Komunikasi | Cemerlang | 61 (22.8%) | 5 (3.8%) | 66 (17%) |
| | Baik | 188 (70.4%) | 93 (71%) | 281 (70%) |
| | Kurang Baik | 18 (6.7%) | 33 (25.2%) | 51 (13%) |

Jadual 5 menunjukkan tahap penguasaan kemahiran komunikasi. Secara keseluruhan, 17% guru pelatih menguasai kemahiran komunikasi dengan cemerlang. Pada tahap cemerlang, didapati pencapaian guru pelatih PISMP (22.8%) adalah lebih baik berbanding guru pelatih DPLI (3.8%). Seterusnya, 70% guru pelatih menguasai kemahiran komunikasi dengan baik, di mana 71% orang ialah guru pelatih DPLI dan 70.4% orang ialah guru pelatih PISMP. Di samping itu, secara keseluruhan sebanyak 13% guru pelatih kurang baik dalam kemahiran komunikasi, iaitu 6.7% guru pelatih PISMP dan 25.2% guru pelatih DPLI.

Secara rumusan, dapatan kajian ini menunjukkan majoriti guru pelatih dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Cina dengan baik. Di samping itu, keputusan ini juga menunjukkan guru pelatih PISMP menguasai kemahiran komunikasi Bahasa Cina lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Jadual 6: Skor Penilaian Diri Kemahiran Membaca

| Item | Tahap | Program | | Jumlah (n=398) |
|-------------------|-------------|--------------|--------------|-------------------|
| | | PISMP(n=267) | DPLI (n=131) | |
| Kemahiran Membaca | Cemerlang | 58 (21.7%) | 11 (8.4%) | 69 (17%) |
| | Baik | 195 (73%) | 92 (70.2%) | 287 (72%) |
| | Kurang baik | 14 (5.2%) | 28 (21.4%) | 42 (11%) |

Jadual 6 menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca. Secara keseluruhan 17% guru pelatih mencapai tahap cemerlang, di mana 21.7% ialah guru pelatih PISMP dan 8.4% ialah guru pelatih DPLI. Seterusnya, 72% guru pelatih dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik. Keputusan ini juga menunjukkan 73% guru pelatih PISMP dan 70.2% guru pelatih menguasai kemahiran membaca dengan baik. Di samping itu, secara keseluruhan 10.3% guru pelatih masih lemah dalam kemahiran membaca yang terdiri daripada 5.2% guru pelatih PISMP dan 21.4% guru pelatih DPLI.

Secara rumusan, dapatan kajian ini menunjukkan majoriti guru pelatih menguasai kemahiran membaca pada tahap baik. Di samping itu, guru pelatih PISMP menguasai kemahiran membaca lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Jadual 7: Skor Penilaian Diri Kemahiran Menulis

| Item | Status | Program | | Jumlah (n=398) |
|----------------------|-------------|--------------|--------------|-------------------|
| | | PISMP(n=267) | DPLI (n=131) | |
| Kemahiran Menulis | Cemerlang | 23 (8.6%) | 2 (1.5%) | 25 (6%) |
| | Baik | 211 (79%) | 97 (74%) | 308 (77%) |
| | Kurang baik | 33 (12.4%) | 30 (22.9%) | 66 (16.2%) |
| | Lemah | 0 (0%) | 2 (1.5%) | 2 (0.1%) |

Jadual 7 menunjukkan tahap penguasaan kemahiran menulis. Secara keseluruhan 6% guru pelatih mencapai tahap cemerlang, 77% guru pelatih mencapai tahap baik, 16.2% berada pada tahap kurang baik dan 0.1% berada pada tahap lemah dalam kemahiran menulis. Dapatan kajian telah menunjukkan kebanyakan guru pelatih menguasai kemahiran menulis dengan baik.

Perbandingan keputusan kemahiran menulis menunjukkan guru pelatih PISMP 8.6% guru pelatih mencapai tahap cemerlang, 79% guru pelatih mencapai tahap baik dan 12.4% guru pelatih berada pada tahap kurang baik. Guru pelatih DPLI pula menunjukkan 1.5% mencapai tahap cemerlang, 74% guru pelatih mencapai tahap baik, 22.9% guru pelatih berada pada tahap kurang baik dan 1.5% guru pelatih berada pada tahap lemah.

Secara rumusan, keputusan ini menunjukkan majoriti guru pelatih menguasai kemahiran menulis dengan baik. Di samping itu, guru pelatih PISMP dapat menguasai kemahiran menulis lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Jadual 8: Skor Kemahiran Bahasa Cina Secara Keseluruhan

| Item | Tahap | Program | | Jumlah (n=398) |
|--------------------------|-------------|--------------|--------------|-------------------|
| | | PISMP(n=267) | DPLI (n=131) | |
| Kemahiran Bahasa Cina | Cemerlang | 48 (18%) | 3 (2.3%) | 51(13%) |
| | Baik | 208 (77.9%) | 99 (75.6%) | 307 (77%) |
| | Kurang Baik | 11 (4.1%) | 29 (22.1%) | 40 (10%) |

Jadual 8 menunjukkan tahap penguasaan kemahiran bahasa Bahasa Cina. Secara keseluruhan 13% guru pelatih mencapai tahap cemerlang, 77% guru pelatih mencapai tahap baik, dan 10% guru pelatih berada pada tahap kurang baik dalam kemahiran bahasa penggunaan Bahasa Cina.

Keputusan kajian menunjukkan dalam kalangan guru pelatih PISMP, 18% menguasai Bahasa Cina dengan cemerlang, 77.9% menguasai dengan baik dan 4.1% masih kurang baik dalam kemahiran penggunaan Bahasa Cina. Manakala dalam kalangan guru pelatih DPLI, 2.3% mencapai tahap cemerlang, 75.8%, mencapai tahap baik dan 22% berada pada tahap kurang baik.

Secara rumusan, perbandingan secara keseluruhan mendapati majoriti guru pelatih menguasai kemahiran bahasa dengan baik. Di samping itu, tahap penguasaan kemahiran bahasa guru pelatih PISMP adalah lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Soalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Cina yang signifikan antara guru pelatih PISMP dan DPLI?

| Jadual 9: Analisis Ujian-t terhadap Pencapaian Bahasa Cina mengikut Program | Program | M | SP | t | p | η |
|--|----------------|----------|-----------|----------|----------|--------------------------|
| PISMP | 66.22 | 10.20 | | 19.76 | .00 | .67 |
| DPLI | 45.21 | 9.48 | | | | |

Jadual 9 menunjukkan keputusan ujian-*t* bahawa terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Cina yang signifikan antara responden program PISMP dan responden DPLI dengan $t = 19.76$, $p < .05$, $\eta = .67$. Program yang berbeza menyumbang kesan saiz yang sederhana terhadap pencapaian Bahasa Cina guru-guru pelatih kajian. Guru-guru pelatih PISMP mencatatkan nilai min ($M = 66.22$, $SP = 10.20$) yang lebih tinggi daripada guru-guru pelatih DPLI ($M = 45.21$, $SP = 9.48$) di IPG. Dengan perkataan lain, guru-guru pelatih PISMP mendapat keputusan Bahasa Cina yang lebih baik daripada guru-guru pelatih DPLI kajian ini dengan signifikan. Maka hipotesis nul yang berbunyi “Tidak terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Cina yang signifikan antara guru pelatih dan DPLI” ditolak.

Perbincangan

Penilaian Bahasa Cina dalam ujian menunjukkan 99.63% guru pelatih PISMP dan 73.28% guru pelatih DPLI lulus dalam ujian Bahasa Cina. Keputusan pencapaian bahasa Cina secara keseluruhan menunjukkan guru-guru pelatih dapat menguasai bahasa Cina dan ilmu budaya Cina. Hasil kajian berkenaan telah mengenal pasti tahap pencapaian bahasa Cina guru-guru pelatih bahsa Institut Pendidikan Guru dapat menguasai aspek-aspek fonetik, karakter, tatabahasa dan kosa kata dalam konteks ujian bahasa Cina dengan baik. Di samping itu, guru-guru pelatih dapat menguasai ilmu budaya Cina daripada aspek-aspek pendidikan dan falsafah klasik Cina, bahasa dan aksara Cina, kesusasteraan klasik Cina, sains dan teknologi purba Cina, kebudayaan tradisional Cina dengan baik. Dengan kata lain, guru-guru pelatih bahasa Cina menguasai ilmu linguistik, kandungan bahasa, kesusasteraan dan budaya Cina. Ini menunjukkan guru-guru pelatih berminat akan bahasa Cina dan budaya Cina.

Menurut Dang (2003), ilmu budaya merangkumi kesusasteraan Cina. Kesusasteraan Cina menerangkan nilai teras, norma mmasyarakat, sejarah perkembangan budaya. Dengan penguasaan kesusasteraan, secara langsung ia bukan sahaja memperingkatkan aspek-aspek penguasaan bahasa secara positif, tetapi juga dapat mempertingkatkan minat guru-guru pelatih bahasa Cina terhadap budaya Cina dan mempertinggi penghayatan estetik. Oleh yang demikian pembelajaran kesusasteraan dapat mempertingkatkan ilmu budaya Cina dan penguasaan bahasa moden Cina.

Kajian Zhao (2017) juga menyatakan pembelajaran bahasa Cina tidak dapat dipisah daripada pembelajaran budaya Cina. Ini bermakan pembelajaran bahasa berkaitan dengan ilmu budaya kerana penguasaan ilmu budaya secara positif mempertingkatkan penguasaan aspek-aspek bahasa dan memudahkan guru-guru pelatih memahami cara-cara penggunaan bahasa Cina dengan tepat. Dapatkan kajian Gong (2013) turut memberi sokongan bahawa pembelajaran budaya Cina memotivasi seseorang mempelajari bahasa Cina. Oleh yang demikian, ilmu

budaya memainkan peran yang penting untuk mempertingkatkan minat guru-guru pelatih untuk mempelajari bahasa Cina.

Namun demikian, dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian bahasa Cina guru-guru pelatih PISMP lebih baik daripada guru-guru pelatih DPLI. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor peribadi guru-guru pelatih dalam proses pengajaran seperti orientasi pembelajaran, sikap terhadap bahasa dan motivasi dalam pembelajaran bahasa Cina (Gardner, 1985, 2001). Model pembelajaran sosial menjelaskan tahap pencapaian bahasa Cina guru-guru pelatih dapat dijangka daripada faktor-faktor orientasi integrasi, orientasi instrumental, sikap terhadap situasi pembelajaran (Gardener 1985, 2000). Dapatan ini disokong dengan kajian Gardner (2006, 2001, 1985), Gardner, Masgoret, Tennant dan Mihic (2004) dan Tremblay dan Gardner (1995) juga menegaskan bahawa penguasaan ilmu budaya akan mempertingkatkan penguasaan bahasa.

Berdasarkan dapatan kajian, kemahiran bahasa secara keseluruhan menunjukkan 13% guru pelatih pada tahap cemerlang, 77% guru pelatih pada tahap baik dan 10% pada tahap kurang baik. Kajian ini menunjukkan semua guru pelatih dapat menguasai kemahiran komunikasi, membaca dan menulis pada tahap baik.

Dapatan kemahiran komunikasi menunjukkan 93.2% guru pelatih PISMP mencapai tahap komunikasi cemerlang dan baik, manakala 76% guru pelatih DPLI mencapai tahap cemerlang dan baik. Perbezaan dapatan ini menunjukkan guru pelatih PISMP menguasai kemahiran komunikasi lebih baik daripada guru pelatih DPLI. Di samping itu, dapatan kemahiran membaca menunjukkan 94.7% guru pelatih PISMP mencapai tahap cemerlang dan baik, berbanding 78.6% guru pelatih DPLI. Perbezaan dapatan kemahiran membaca menunjukkan guru-guru pelatih PISMP menguasai kemahiran membaca lebih baik daripada guru pelatih DPLI. Selain itu, dapatan kemahiran menulis menunjukkan 87.6% guru pelatih PISMP mencapai tahap cemerlang dan baik, berbanding 75.5% guru pelatih DPLI yang mencapai tahap cemerlang dan baik. Perbezaan dapatan kemahiran menulis juga menunjukkan guru-guru pelatih PISMP menguasai kemahiran menulis lebih baik daripada guru-guru pelatih DPLI. Perbandingan tahap penguasaan kemahiran komunikasi, membaca dan menulis menunjukkan guru pelatih PISMP lebih baik daripada guru pelatih DPLI.

Berdasarkan laporan kajian Ward (2004) dan Kim (1988), bahasa adalah satu alat penting dalam komunikasi. Kebiasanya, pelajar-pelajar bahasa asing akan mengalami masalah tekanan dan perasaan kebimbangan semasa mendengar sebutan bahasa asing dan berasa sukar memahami bahasa asing. Dengan itu, mereka sukar mengemukakan pendapat sendiri secara lisan dan kehilangan keyakinan apabila berinteraksi dengan penutur jati. Oleh yang demikian, Alazzi dan Chiodo (2006) menggalakkan pelajar-pelajar bahasa asing berinteraksi dengan penutur jati supaya memperluas rangkaian hubungan supaya dapat membantu mereka mengurangkan masalah akademik, sosial dan emosi. Laporan Safdar, Struthers & Van Oudenhoven (2009); Gardner, (2006) juga menyatakan hubungan dengan penutur jati dan berkomunikasi dengan komuniti penutur jati dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa. Oleh itu, guru-guru pelatih digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti sosiobudaya dan berkomunikasi dengan komuniti Cina untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Cina. Di samping itu, kemahiran komunikasi yang baik dapat mempertingkatkan keyakinan penggunaan Bahasa Cina, mengurangkan perasaan tekanan dan kebimbangan dalam penggunaan Bahasa Cina (Sumer, Poyrazli & Grahame, 2008).

Masalah penguasaan kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina. Kajian Ng et al., (2017) menunjukkan guru-guru pelatih DPLI masih lemah dalam penguasaan kemahiran membaca dalam Bahasa Cina. Kajian berkenaan menyatakan majoriti guru pelatih DPLI sukar menguasai perkataan sebutan nada ketiga dengan tepat kerana mereka tidak mengenal pasti intonasi dan nada yang betul semasa membaca ayat. Selain itu, kelemahan dalam membaca adalah disebabkan masalah penguasaan kosa kata Bahasa Cina yang terhad mengakibatkan mereka berasa sukar memahami makna petikan.

Selain itu, kajian Lam et al., (2007) juga menyatakan guru-guru pelatih Bahasa Cina juga menghadapi masalah kemahiran membaca khususnya penguasaan *Hanyu pinyin*. Guru pelatih tidak dapat melafaz dengan lancar semasa membaca petikan. Ini disebabkan guru pelatih tidak dapat menguasai sebutan *Hanyu pinyin* dengan tepat sehingga menjelaskan kelancaran dan keindahan bahasa semasa membaca.

Masalah kemahiran membaca merupakan satu isu besar dalam pendidikan Bahasa Cina. Kajian Dorren Ng (2007) menyatakan Bahasa Cina tempatan merupakan satu Bahasa Cina untuk penutur Cina di luar negara China semata-mata kerana Bahasa Cina tempatan telah diubahsuai dan dicampurkan dengan budaya tempatan. Oleh itu, Bahasa Cina tempatan sama ada dari segi morfologi, semantik, dan fonologi amat berbeza daripada bahasa Cina di China. Di samping itu, komuniti Cina tempatan telah biasa menggunakan Bahasa Cina tempatan dan berasa lebih mudah faham dan mesra dengan kehidupan harian tempatan. Oleh itu, timbulah jurang antara Bahasa Cina tempatan dengan Bahasa Cina di China.

Kajian Benjamin Sou dan You (2003) juga menyatakan bahasa dialek merupakan satu faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Cina dalam kalangan penutur jati. Ini disebabkan bahasa dialek mempunyai sistem sebutan, perkataan, struktur ayat tersendiri yang berbeza daripada sistem *Hanyu pinyin*. Oleh yang demikian, pengaruh Bahasa Melayu, Inggeris dan dialek juga mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan guru pelatih Bahasa Cina.

Perbandingan penguasaan kemahiran menulis menunjukkan 12.4% guru pelatih berada di tahap kurang baik dan 24.4% guru pelatih DPLI berada di tahap kurang baik dan lemah. Dapatkan ini menunjukkan guru pelatih berasa sukar dalam penguasaan kemahiran menulis. Kajian Wong (2011) melaporkan pelajar-pelajar penutur bukan Cina di sekolah menengah menghadapi kesukaran menulis karangan, memahami tatabahasa dan makna perbendaharaan kata dalam pembelajaran Bahasa Cina. Punca-punca masalah penguasaan penulisan Bahasa Cina adalah pengaruh daripada bahasa pertama dan tidak dapat mengikuti kelajuan pengajaran guru di dalam kelas. Oleh itu, situasi pembelajaran merupakan satu faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran penulisan Bahasa Cina (Gardner, 1985; 2001; 2006).

Selain itu, kajian Tan (2011) menyatakan pelajar Bahasa Cina sebagai bahasa asing berasa sukar untuk menguasai teknik menulis aksara Cina. Pelajar sentiasa menggunakan teknik melukis untuk mencorak aksara Cina. Laporan Neo (2011) menyatakan perkataan Cina berbentuk ideogram bukan dibentuk daripada abjad seperti Bahasa Inggeris. Di samping itu, perkataan Cina dalam bentuk semantik dan sintaksis menjadi satu kesukaran kepada pelajar-pelajar untuk menguasai makna kosa kata. Oleh sebab itu, kerumitan penguasaan penulisan perkataan Cina dan memahami makna perkataan Cina telah menyebabkan guru-guru pelatih berasa beban untuk mengingati dan menggunakan perkataan yang tepat dalam penulisan. Keadaan

sedemikian merupakan satu faktor yang mempengaruhi sikap mereka terhadap Bahasa Cina dan motivasi mereka untuk belajar Bahasa Cina.

Ujian-*t* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pencapaian bahasa Cina yang signifikan antara guru pelatih mengikut program dengan kesan saiz yang sederhana di mana responden program PISMP mendapat keputusan yang lebih baik berbanding responden DPLI dengan ketara. Hasil kajian ini adalah dalam jangkaan kerana bahasa dan kebudayaan Cina adalah khazanah bangsa Cina yang diwarisi dan dipelajari sejak kecil lagi, justeru penguasaan bahasa dan budaya Cina dalam kalangan guru-guru pelatih Cina dalam PISMP adalah lebih baik daripada guru-guru pelatih Melayu dalam program DPLI.

Profil guru pelatih DPLI menunjukkan bahawa mereka tidak berpengalaman dalam pendidikan Bahasa Cina, tetapi mereka dapat menguasai Bahasa Cina dalam tempoh empat tahun di China. Penguasaan Bahasa Cina guru DPLI dalam tempoh yang singkat disebabkan mereka belajar Bahasa Cina di China dalam keadaan persekitaran monolingual dengan penggunaan bahasa Cina dan mempelajari budaya Cina dalam kehidupan mereka. Dapatan kajian Liu (2017) menyatakan pelajar asing yang berinteraksi dengan penutur jati setiap hari dan melibatkan diri dalam aktiviti sosial budaya telah memperluas rangkaian hubungan dan berkomunikasi dengan penutur jati. Keadaan itu berkesan mempertingkatkan tahap penguasaan dan keyakinan diri dalam penggunaan Bahasa Cina.

Donato (2000) dan Johnson (2004) menyatakan persekitaran sosial merupakan satu peluang komunikasi guru-guru pelatih bahasa Cina berinteraksi dengan komuniti Cina. Keadaan yang sedemikian menghasilkan hubungan antara konteks sosial dan bahasa. Tambahan lagi, hubungan bahasa dan budaya adalah saling berkait dan tidak dapat dipisahkan secara berasingan, maka hasil interaksi sosial adalah satu peluang mempertingkatkan kecekapan kemahiran berbahasa dan kebolehan penggunaan bahasa Cina dalam kalangan guru pelatih bahasa Cina. Oleh itu, guru-guru pelatih bukan Cina digalakkan agar membiasakan diri untuk berinteraksi dan bergaul dengan penutur jati Cina di Malaysia dalam usaha mempelajari dan memperdalam bahasa dan budaya Cina untuk memudahkan pengajaran Bahasa Cina di sekolah-sekolah nanti.

Kesimpulan

Secara kesimpulan, tahap penguasaan ilmu bahasa, linguistik dan ilmu budaya yang tinggi guru-guru pelatih dalam kajian ini menunjukkan penguasaan bahasa Cina dan kompetensi yang memuaskan. Oleh itu, usaha mempertingkatkan pencapaian bahasa Cina dan ilmu budaya Cina dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa guru-guru pelatih secara positif. Dalam hal ini, para guru pelatih Melayu haruslah kerap bergaul dengan penutur jati untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa, linguistik dan ilmu budaya Cina, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran mereka di dalam kelas.

Rujukan

- Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alazzi, K., & Chiodo, J. J. (2006). Uncovering Problems and Identifying Coping Strategies of Middle Eastern University Students. *International Education*, 35(2), 65-81.
- Benjamin Suo, K.T. & You, R. J. (2003), *Chinese language and society* [Translation]. Hong Kong: City University of Hong Kong Press.

- Dang, S.L. (2003). *Yu wen neng li he wen xue xiu yang*. Hong Kong: Joint Publishing (H.K.) Co. Ltd.
- Donato, R. (2000). Sociocultural contributions to understanding the foreign and second language classroom. In. Lantolf, J. (Ed). *Sociocultural theory in second language learning*. Oxford: Oxford University press.
- Doreen Ng, B. S. (2007). ‘*Bentu Hanyu*’ --- A preliminary study on the morphonological analysis of Chinese language spoken in Malaysia. In. Chong, S. L. & Chiah, S. (eds.). *Discovering the Language: Diversity, Variation and Standardization* (pp. 125-141). Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya
- Fan, P. S. (2012). *Components and Characteristics of Dialect Vocabulary in the Malaysian Chinese Language* [translation from Chinese]. Kuala Lumpur: Institute of China Studies, University of Malaya.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R. C (2001). Language learning motivation: The student, the teacher, and the researcher. *Foreign language education*, 6, 1-18.
- Gardner, R.C. (2006). Motivation and second language acquisition. Retrieved June 16, 2007, from publish.uwo.ca/~gardner/SPAIN TALK.pdf
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). Attitude and Motivation in Second Language Learning. Rowley, MA: Newbury House.
- Ghazali, Yusri. Abd. Rhm. (2012). *Pembelajaran bahasa kedua dan asing*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Gong, X. F. (2013). Exploring the Strategy of Confucius Institute's Foreign Cultural Communication from the Perspective of Public Views--An Analysis Based on the Survey Data of “Chinese Culture Impression” [translated from Chinese language]. *New disemintaion*, 9, 6-9.
- Ng, P. H., Wong, S. B., Tan, K. C., Guek, Y. H., & Lim, W. H. (2017). Kajian kes tentang tahap kecekapan lisan guru pelatih Program Diploma Pendidikan Lepasan (PDPLI) yang mendapat pengijazahan mengajar Bahasa Cina sebagai bahasa kedua dari Beijing. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 12, 79-86.
- Ho, M. C. (1998). Culture Studies and Motivation in Foreign and Second Language Learning in Taiwan. *Language. Culture & Curriculum*, 11(2), 165.
- IPGM (2018), Portal rasmi Institut Pendidikan Guru Malaysia. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/my/korporat/jabatan-dan-bahagian/institut-pendidikan-guru-malaysia>
- Johnson, M. A. (2004). *A philosophy of second language acquisition*. London: Yale Press University.
- Kim, Y. Y. (1988). *Communication and Cross-Cultural Adaptation: An Integrative Theory*. Clevedon, United Kingdom: Multilingual Matters.
- Koh. S. T. (2008). Sikap terhadap penggunaan Bahasa Mandarin di kalangan masyarakat Cina di Malaysia: satu kajian kes. Dissertation Sarjana yang tidak terbit, Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2008.
- LaBelle, S. (2011). Language standardisation. In Monney, A., Peccei, J. S., LaBelle, S., Henriksen, B. E., Eppler, E., Irwin, A., Pichler, P., Preece, S., & Soden, S (eds). (3rd Ed.). *Language, Society and Power* (pp.189-220). London: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Lai, M. L. (2005). Language attitudes of the first postcolonial generation in Hong Kong secondary schools. *Language in Society*. 34(3). 363-388.

- Lam, Y.C., Yau, Y. S., Yeo, C. E., Chew, C. K., Lee, S. P., & Lee, V. L. (2006). Kecekapan guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Cina. *Jurnal Penyelidikan IPBL*. 7, 48-54.
- Larisa Niktina, Zuraidah Mhd. Don, & Lau, S. C. (2016). Construction and validation of a questionnaire on language learning Motivation. *Зборник Института за педагошка истраживања Година*. 48 (2). 284–300.
- Masgoret, A. M., & Gardner, R. C. (2003). Attitude, motivation and second language learning: A meta-analysis of studies conducted by Gardner and associates. *Language Learning* 53(1), 123-163.
- Mora, J. C., & Darcy, I. (2017). The relationship between cognitive control and pronunciation in a second language. In. T. Isaacs, & P. Trofimovich (Eds.), *Second language pronunciation assessment: Interdisciplinary perspectives* (pp.95-120). Bristol: Multilingual
- Pintrich, P. R., & Schunk, D. H. (1996). *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Purcell, V. (1975). *The Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Safdar, S., Struthers, W., & van Oudenhoven, J. P. (2009). Acculturation of Iranians in the United States, the United Kingdom, and the Netherlands a Test of the multidimensional Individual Difference Acculturation (MIDA) Model. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 40(3), 468491.
- Sumer, S., Poyrazli, S., & Grahame, K. (2008). Predictors of depression and anxiety among international students. *Journal of Counselling & Development*, 86(4), 429-437.
- Tan, Y. S. (2007). *Pendidikan Dwibahasa Transisi Etnik Cina Semenanjung Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tan, S. L. (2011). *Analisis pembelajaran perkataan Bahasa Cina siswazah Universiti Teknologi Mara*. Tesis ijazah sarjana yang tidak terbit, Faculty of International Education, University Zhongyang Minzu.
- Tian, H. G. (1994). Persamaan dan perbezaan antara Bahasa Cina di luar negara China dengan Bahasa Han [translation from Chinese]. *Journal of Hubei University*, 4. DOI:10.13793/j.cnki.42-1020/c.
- Wang, X. M. (2012). *Mandarin Spread in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya press.
- Ward, C. (2004). Psychological theories of culture contact and their implications for intercultural training and interventions. In. D. Landis, J. Bennett & M. Bennett (Eds.), *Handbook of Intercultural Training*. Thousand Oaks, CA: Sage
- Wong, S. L. (2011). Problems in learning the Chinese language: From the perspectives of the non-Chinese students and their teachers. In. Ambigapathy Pardian, Sunny Tan, S. B. & Shaik Abdul Malik Mohd. Ismail (eds.). *Teaching and Learning Current Trends And Practice*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Yu, B. H., & Downing, K. (2012). Determinants of international students' adaptation: examining effects of integrative motivation, instrumental motivation and second language proficiency, *Educational Studies*, 38(4). 457-471.
- Zhao, Y. L. (2017). Kompetensi Han Yu dalam kalangan guru Bahasa Cina antarabangsa [translation from Chinese], *Ce Lue Yu Xin Xi*. 7, 42-48.
- <http://oversea.cnki.net/kcms/detail/detail.aspx?recid=&FileName=JCYX201707007&DbName=CJFD2017&DbCode=CJFD>